

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR

SUKU TAHUN KETIGA 2024

PENGENALAN DAN OBJEKTIF

Isu berkaitan kos pengeluaran ayam mula dibangkitkan sejak awal 2021 secara global termasuk Malaysia kesan dari krisis kesihatan awam yang mendorong kepada penutupan sempadan antarabangsa dan langkah kawalan pergerakan pada tahun 2020.

Permintaan tinggi bahan mentah terutamanya bagi komoditi makanan ternakan ditambah dengan kekurangan stok bekalan menjadikan harga komponen makanan ternakan di peringkat global meningkat mendadak sejak 2021.

Justeru, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menjalankan Survei Kos Input Pengeluaran Ayam dan Telur 2022 bagi mengenal pasti kos pengeluaran ayam dan telur pada tahun 2022.

Rentetan itu, DOSM telah melaksanakan Survei Kos Pengeluaran Ayam dan Telur terhadap beberapa ladang ayam pedaging dan ayam penelur terpilih secara suku tahun sehingga sekarang.

Objektif survei ini adalah bagi mengenal pasti kos yang terlibat dalam pengeluaran ayam dan telur ayam di peringkat ladang. Hasil survei ini juga diterjemahkan kepada *Newsletter* Kos Pengeluaran Ayam dan Telur.

Newsletter Kos Pengeluaran Ayam dan Telur Suku Tahun Ketiga 2024 memaparkan purata harga bagi dua (2) komponen utama iaitu purata harga anak ayam (*Day-Old-Chick*, DOC) dan makanan ternakan ayam. Kedua-dua komponen ini merangkumi harga bagi kedua-dua ayam pedaging dan ayam penelur. Selain itu, *Newsletter* ini turut memaparkan harga DOC, makanan ternakan dan kos pengeluaran secara siri masa dari suku tahun pertama 2023 sehingga suku tahun ketiga 2024.



Purata kos belian DOC ayam pedaging dan ayam penelur

AYAM PEDAGING



ST3
RM 2.14

ST2
RM 2.20



AYAM PENELUR

ST3
RM 4.26

ST2
RM 4.33

PURATA KOS BELIAN *DAY-OLD-CHICK* (DOC)

Paparan di atas menunjukkan purata kos belian (*Day-Old-Chick*, DOC) ayam pedaging dan ayam penelur bagi suku tahun kedua (ST2) dan ketiga tahun (ST3) 2024.

Purata kos belian **DOC ayam pedaging** bagi ST2 2024 adalah RM2.20 per ekor manakala bagi **ST3 2024** adalah **RM2.14 per ekor**. Ini menunjukkan terdapat **penurunan purata** kos belian DOC sebanyak **2.7%** pada ST3 2024 berbanding ST2 2024.

Manakala purata kos belian **DOC ayam penelur** bagi ST2 2024 adalah RM4.33 per ekor dan **RM4.26 per ekor** bagi **ST3 2024**. Secara puratanya, kos belian DOC pada ST3 2024 mengalami **penurunan** sedikit berbanding ST2 2024 iaitu sebanyak **1.6%**.



PURATA KOS MAKANAN TERNAKAN AYAM PEDAGING DAN AYAM PENELUR

- ✓ Makanan ternakan merupakan komposisi terbesar dalam kos ternakan ayam dan telur. Justeru, sebarang perubahan harga makanan ternakan bagi ayam pedaging dan ayam penelur akan mempengaruhi kos pengeluaran ayam sekaligus kepada harga jualan ayam pedaging dan telur ayam di peringkat ladang, borong dan runcit.
- ✓ Terdapat tiga (3) jenis makanan ternakan iaitu *Starter*, *Grower* dan *Finisher/Layer* mengikut tempoh tumbesaran ayam. Tempoh tumbesaran peringkat *Starter* adalah 0-14 hari, peringkat *Grower*, 15-30 hari manakala *Finisher/Layer* adalah 31 hari sehingga dijual.
- ✓ Kuantiti makanan yang diperlukan adalah berbeza mengikut tempoh tumbesaran di setiap peringkat. Oleh itu, harga makanan bagi ketiga-tiga peringkat tumbesaran dari DOC kepada ayam pedaging dan ayam penelur adalah berbeza bergantung kepada kandungan nutrien yang diperlukan di setiap peringkat.
- ✓ Makanan ternakan dijual dalam bungkusan 50kg. Purata kos pembelian makanan ternakan bagi ST2 2024 dan ST3 2024 adalah seperti paparan di bawah.

AYAM PEDAGING

- Jadual di bawah memaparkan **purata kos makanan ternakan** bagi setiap peringkat tumbesaran seekor **ayam pedaging**. Pada ST2 2024, kos purata makan ternakan bagi *Starter*, *Grower* dan *Finisher* adalah RM125.25, RM123.58 dan RM124.09. Bagi ST3 2024 pula, purata harga bagi *Starter* adalah RM125.37, *Grower* adalah RM120.68 dan *Finisher* adalah RM120.28.
- Secara puratanya, kos makanan ternakan ayam pedaging bagi **ST2 2024** adalah **RM124.09** dan bagi **ST3 2024** adalah **RM122.11**. Terdapat **penurunan** sebanyak RM1.98 (-1.6%) pada ST3 2024 berbanding ST2 2024.



	ST3 (RM / 50KG)	ST2 (RM / 50KG)
<i>Starter</i>	125.37	126.25
<i>Grower</i>	120.68	123.58
<i>Finisher</i>	120.28	122.45
Purata	122.11	124.09

*Nota: Harga purata yang dipaparkan dalam RM/50kg

AYAM PENELUR





	ST3 (RM / 50KG)	ST2 (RM / 50KG)
<i>Starter</i>	114.01	114.06
<i>Grower</i>	95.42	94.79
<i>Layer</i>	97.07	100.77
Purata	102.17	103.21

- Berdasarkan jadual di atas, **purata kos makan ternakan ayam penelur** ST2 2024 bagi *Starter*, *Grower* dan *Layer* adalah RM114.06, RM94.79 dan RM100.77. Manakala bagi ST3 2024 pula, *Starter* mencatatkan purata harga RM114.01, *Grower* adalah RM95.42 dan *Layer* adalah RM97.07.
- Purata kos makanan ternakan ayam penelur bagi **ST3 2024** adalah **RM102.17** lebih rendah berbanding **ST2 2024** iaitu **RM103.21** atau -1.0%.



- ✓ Komponen utama dalam pembuatan makanan ternakan adalah jagung dan kacang soya. Kedua-dua ini diimport dari luar negara. Negara pengimport utama jagung adalah Argentina manakala kacang soya pula adalah negara Amerika Syarikat.
- ✓ Kebergantungan yang tinggi terhadap import bahan mentah telah mempengaruhi kos makanan ternakan di mana ianya bergantung kepada kadar tukaran matawang asing, terma dan rujukan kontrak antara syarikat pengimport dengan pembekal serta bekalan pada waktu itu.
- ✓ **Kos pengeluaran ayam pedaging** dikira dengan mengambil kira dua (2) komponen utama iaitu harga DOC ayam pedaging dan makanan ternakan ayam pedaging. Manakala **kos pengeluaran telur ayam** pula dikira berdasarkan kos tumbesaran ayam penelur daripada DOC sehingga mencapai usia bertelur dan juga makanan ternakan bagi ayam penelur.

KOS PENGELUARAN AYAM PEDAGING DAN TELUR AYAM



- Kos pengeluaran ayam pada ST2 2024 adalah **RM6.30 per kg** manakala ST3 2024 mencatat kos pengeluaran sebanyak **RM6.20 per kg**.
- Secara puratanya, kos pengeluaran ayam mengalami penurunan sebanyak **1.6%** pada ST3 2024 berbanding ST2 2024.

Kos pengeluaran telur ayam pada ST3 2024 adalah **RM0.38 per biji** sama seperti ST2 2024.



SIRI MASA KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR ST1 2023 – ST3 2024

Purata harga DOC ayam pedaging dan ayam penelur

Ayam Pedaging (RM/kg)	Ayam Penelur (RM/kg)
2.32	4.25
2.37	4.45
2.33	5.03
2.22	4.92
3.31	4.66
2.18	4.35
2.20	4.33
2.14	4.26

Purata kos makanan ternakan ayam pedaging dan ayam penelur

Ayam Pedaging (RM/50kg)	Ayam Penelur (RM/50kg)
134.54	116.07
133.71	115.50
127.47	113.10
124.26	111.76
129.99	114.11
125.89	105.01
124.09	103.21
122.11	102.17

◀ ST1 - 2023 ▶

◀ ST2 - 2023 ▶

◀ ST3 - 2023 ▶

◀ ST4 - 2023 ▶


◀ PURATA 2023 ▶

◀ ST1 - 2024 ▶

◀ ST2 - 2024 ▶

◀ ST3 - 2024 ▶

KOS PENGELUARAN AYAM DAN TELUR AYAM ST1 2023 – ST3 2024



Graf di atas memaparkan kos pengeluaran ayam dan telur ayam bermula ST1 2023 sehingga ST3 2024. Kos pengeluaran ayam mengalami sedikit kenaikan pada permulaan tahun 2023. Namun, mula menunjukkan momentum penurunan bermula ST3 2023 sehingga ST3 2024. Manakala bagi penghasilan telur ayam pula, kos pengeluaran meningkat sepanjang tahun 2023. Namun, kos pengeluaran telur ayam mula menurun sejak ST1 2024 dan kekal sehingga ST3 2024.

